

# Inisiatif Easter 2021 Bermula

## Jemputan menawarkan pesanan harapan dan pembaharuan dalam Kristus

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Semasa orang Kristian di seluruh dunia bersiap sedia untuk minggu Easter, Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir telah memulakan inisiatif Easter tahunannya. Dengan cabaran yang terus berlanjutan disebabkan oleh pandemik, kempen tahun ini menawarkan pesanan harapan dan pembaharuan tepat pada masanya dalam Yesus Kristus melalui korban tebusan-Nya dalam hidup kita.

Sebuah video pendek disiarkan pada pagi Ahad di saluran media sosial Gereja Yesus Kristus menggunakan hashtag #MulaHariIni.

“Bermula hari ini kita dapat mula semula, but semula, melihat semula kehidupan kita,” bacaan teks dalam video. “Kita boleh menilai semula, kaji semula, mempertimbangkan semula segala dalam kehidupan bermula hari ini kerana begitulah satu hari bermula 2000 tahun dahulu. Dia (Yesus Kristus) meninggalkan makam. Kita boleh meninggalkan masa lalu kita jika kita dengarkan Dia, kasihi Dia, ikuti Dia.

Inisiatif ini berlangsung pada hari Ahad, 4 April, yang juga merupakan hari kedua pada hujung minggu persidangan umum Gereja.

### **Persidangan Umum**

Sertai berjuta-juta orang di seluruh dunia selama [persidangan umum](#) untuk mendengar pesanan kasih dan harapan daripada para pemimpin Gereja pada 4-5 April 2021 (waktu Malaysia) Lima sesi siaran global akan bermula dari Pusat Teater Persidangan di Salt Lake City, Utah, kemuncak dalam siaran Easter khas untuk meraikan Kebangkitan Yesus Kristus.

Untuk maklumat lanjut tentang kempen Easter, layari <https://sg.churchofjesuschrist.org/2021/startingtoday-Malaysia>